

## Hubungan kepemimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar

### ABSTRAK

Pencapaian akademik pelajar merupakan agenda reformasi ke arah pendidikan yang berkualiti seperti yang dirancang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. Justeru peranan kepemimpinan pendidikan di sekolah dari pelbagai peringkat dilihat amat penting bagi mewujudkan pendidikan berkualiti. Selain kepemimpinan pengetua di sekolah, kepemimpinan guru tidak seharusnya dipinggirkan kerana kepemimpinan guru merupakan agen perubahan yang penting dalam usaha melahirkan sekolah yang berkesan. Para sarjana mendapati kepemimpinan guru mampu memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar di sekolah. Namun di Malaysia, isu kepemimpinan guru ini masih lagi dianggap baharu dan kurang mendapat perhatian. Fokus utama kajian adalah untuk melihat hubungan kepemimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, kajian juga turut melihat tahap kepemimpinan guru berdasarkan enam dimensi kepemimpinan guru yang dicadangkan oleh Katzenmeyer dan Katzenmeyer (2004) iaitu kesedaran sendiri dan membawa perubahan, komunikasi, kepelbagaian, kemahiran pengajaran, penambahbaikan yang berterusan dan organisasi sendiri. Model yang digunakan dalam kajian ini ialah berasaskan Model Pembangunan Kepimpinan Guru atau Leadership Development for Teachers Model (LDT) oleh Katzenmeyer dan Moller (2009). Data diperolehi melalui soal selidik Teacher Leadership Self Assessment (TLSA) oleh Katzenmeyer dan Katzenmeyer (2004). Kajian ini melibatkan seramai 387 orang guru dari 40 buah sekolah menengah harian di negeri Johor yang dipilih secara rawak mudah. Data soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS IBM Version 20.0. Secara keseluruhannya dapat dirumuskan amalan kepemimpinan guru di sekolah menengah harian berada pada tahap tinggi (min = 4.28, SP = 0.43). Terdapat hubungan positif signifikan pada tahap lemah antara kepemimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar dengan nilai  $r = 0.173$  dan  $\text{sig} = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Hasil kajian ini mempromosi peranan kepemimpinan guru di sekolah yang boleh membawa kepada perubahan yang positif terhadap pencapaian akademik pelajar. Dengan adanya maklumat tentang kepemimpinan guru ini dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar, diharap pihak KPM, JPN mahupun PPD dapat merancang dan menyediakan kursus perkembangan profesionalisma untuk pemimpin guru bagi mempromosi, melatih dan membimbing guru-guru menjadi pemimpin di sekolah dalam usaha meningkatkan kualiti profesional guru dan pencapaian akademik pelajar di sekolah.

**Keyword:** Teachers' leadership; Students' academic achievement; Quality education